


# Akibat kedekut markah



Hanya empat daripada 157 pelajar kursus undang-undang USIM lulus peperiksaan

NOR, pensyarah wanita Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), sentiasa menitikberatkan soal kualiti pelajar yang diasuhnya.

Dia tetap bertegas dalam soal markah yang diberikan dalam peperiksaan. Justeru, pelajar yang menjawab dengan tepat akan diberi markah tinggi dan begitulah sebaliknya.

Akibatnya sebahagian kecil sahaja daripada pelajarinya lulus tetapi prinsipnya itu tidak disenangi oleh pihak pengurusan universiti.

Nor yang bertegas dan enggan menurut kehendak universiti agar memberi lebih banyak 'markah kasihan' supaya lebih ramai pelajarinya lulus terpaksa meletakkan jawatan.

